

Headline	Kilang IBS Gamuda penuhi pertumbuhan pusat data		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	23
ArticleSize	327 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 32,609		



Gamuda mempunyai dua kilang IBS terletak di Banting dan Sepang.

(Foto hiasan)

Kilang IBS Gamuda penuhi pertumbuhan pusat data

Keupayaan kilang sistem binaan berindustri (IBS) milik Gamuda Bhd mampu menggerakkan momentum untuk memanfaatkan peluang dalam ruang pusat data di Lembah Klang yang membabitkan pelaksanaan Polisi Laluan Hijau (GLP), inisiatif kelolaan Tenaga Nasional Bhd (TNB).

Ini adalah untuk memastikan pembinaan pusat data di Malaysia berjalan dengan lebih lancar dan lebih pantas.

Penganalisis RHB Research, Adam Mohamed Rahim, berkata Gamuda memiliki dua buah kilang IBS yang terletak di Banting dan Sepang dengan jumlah kapasiti pengeluaran gabungan maksimum mampu menyiapkan sekitar 10,000 unit kediaman setahun.

Beliau berkata, menyentuh soal kecekapan, kemampuan IBS Gamuda membolehkan tempoh pembinaan dikurangkan sehingga sekitar 50 peratus dan lebih kurang 20 peratus untuk bangunan bertanah dan menara tinggi.

“Menurut kenyataan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), AIMS Data Centre menganugerahi Gamuda dengan

kerja bernilai RM170 juta untuk membangunkan sebuah pusat data di Cyberjaya pada Februari 2023 dengan pembinaan disasarkan siap menjelang akhir 2023.

“Biarpun tiada butiran lanjut dikongsikan oleh CIDB, kami yakin ia akan menjadi pusat data AIMS Cyberjaya Blok 2 dengan kapasiti lapan megawatt (MW). Penyelesaian IBS generasi seterusnya akan digunakan Gamuda dalam pembinaan ini,” katanya dalam satu nota penyelidikan.

Adam berkata, dari segi keberuntungan, projek ini mampu mengaut margin untung sebelum cukai (PBT) antara 10 peratus sehingga 12 peratus.

Beliau berkata, memandangkan kerja IBS rata-ratanya berkait dengan kerja perumahan Gamuda dan juga pusat data, buku pesanan pratuang dianggarkan mencecah lebih kurang RM300 juta pada akhir 2023.

Katanya, walaupun pesanan kerja IBS sederhana iaitu hanya-lah 1.5 peratus buku pesanan pada akhir 2023, namun Gamuda sedang mencari beberapa kerja pusat data di kawasan Lembah

Klang dan jika kerja membabitkan pusat data semakin bertambah, kumpulan boleh menggunakan kedua-dua kilang terbabit sepenuhnya untuk memenuhi keperluan tempahan.

“Kami menganggarkan perolehan tidak berubah untuk bahagian pembinaan Malaysia di mana susulan prospek ini berpotensi untuk pusat data dan kami turut mengurangkan diskauan penilaian aset bersih dinilai semula (RNAV) kepada 50 peratus daripada 60 peratus bagi segmen hartanah Gamuda.

“Ini disebabkan oleh pelaksanaan Laluan Sistem Transit Laju (RTS Link) Johor Bahru-Singapura yang berkemungkinan dapat meningkatkan kebolehlihatan Horizon Hills dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM2.2 bilion sebagai perbandaran menarik di mata pembeli seperti di Iskandar Puteri apabila trafik rentas sempadan semakin lancar,” katanya.

Adam berkata, harga sasaran baharu bagi saham Gamuda adalah RM6.46 berbanding RM5.66 sebelum ini.